S/K.KEW/PK/KK/9999/160105/57/146 Jld.21 SJ.4 (27)

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Agensi Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

SISTEM PANEL BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PENGIRIMAN BAS PENUMPANG BERHAWA DINGIN PELBAGAI CASIS DI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA

TUJUAN

Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (**PKP**) ini bertujuan memaklumkan mengenai Sistem Panel bagi perolehan bekalan dan pengiriman Bas Penumpang berhawa dingin pelbagai casis kepada semua Agensi Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju agar item Bas Penumpang berhawa dingin pelbagai casis diuruskan melalui Sistem Panel. Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh item berkenaan hanya di kalangan Panel pembekal yang dilantik.

3. Kriteria pelantikan Panel pembekal adalah seperti berikut:-

   i. Syarikat kekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai Pembuat dalam kod bidang 160199 (Pembuat Badan Bas) sepanjang tempoh Sistem Panel ini berkuat kuasa;

   ii. Pemegang ekuiti adalah rakyat tempatan sepanjang tempoh Sistem Panel ini berkuat kuasa;

   iii. Syarikat berkemampuan dari segi teknikal dan mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM1 juta;

   iv. Aktiviti utama adalah membuat bas;

   v. Telah mempunyai rekod penjualan bas di pasaran; dan

vi. Memperoleh Sijil Kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.

TEMPOH KONTRAK

4. Tempoh kontrak Sistem Panel adalah selama **tiga (3) tahun** mulai **1 Januari 2011 sehingga 31 Disember 2013**.

MAKLUMAT PANEL PEMBEKAL

5. Kementerian Kewangan bersetuju melantik tujuh (7) Panel pembekal seperti berikut:-

Bil	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank	Taraf
i.	Badanbas Sdn. Bhd.	Batu 1 ½, Jalan Sungai Chua **43000 KAJANG** Selangor Darul Ehsan No Tel: 03-8736 9441 03-8736 1266 03-8736 1743 No Faks: 03-8737 6109 E-mel: badrul@badanbas.com.my	MALAYAN BANKING BERHAD 100, Jalan Tun Perak **50050 KUALA LUMPUR** No Akaun : 514011750259	**Bumiputera**
ii.	Sumai Engineering Sdn. Bhd.	Lot 903 K, Kawasan Perindustrian Chendering **21080 KUALA TERENGGANU** Terengganu Darul Iman No Tel: 09-617 4499 09-617 4599 No Faks: 09-617 4699 09-617 4899 E-mel: sumaicom@streamyx.com.	BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD Ting. 4,7,8,9 & 10 Bangunan Darul Takaful Jalan Sultan Ismail **20200 KUALA TERENGGANU** Terengganu Darul Iman No Akaun: 13017010061878	**Bumiputera**
iii.	Masdef (Malaysia) Sdn. Bhd.	Lot 41730-A Batu14, Jalan Puchong **47100 PUCHONG** Selangor Darul Ehsan No Tel: 03-8061 1648 No. Faks: 03-8061 4648 E-mel: zaki@masdef.com.my	CIMB BANK BERHAD 60, Jalan SS 6/14 Kelana Jaya **47301 PETALING JAYA** Selangor Darul Ehsan No Akaun: 12160016581055	**Bumiputera**

Bil	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank	Taraf
iv.	Scomi Special Vehicles Sdn. Bhd.	Lot 795, Jalan Monorel Sungai Choh **48000 RAWANG** Selangor Darul Ehsan No Tel: 03-6092 3888 03-6092 9643 No Faks: 03-6091 9225 03-6091 9203 E-mel: ben.othman@my.scomi engineering.com.	CIMB BANK BERHAD Terminal 1, Subang Airport, Lot RB5, Terminal 3, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah **47200 SUBANG** Selangor Darul Ehsan No. Akaun: 12300003159058	**Bumiputera**
v.	Intercoach Sdn. Bhd.	Lot 2, Jalan Perusahaan 3 Kawasan Perusahaan PKNS Batu 17 **48000 RAWANG** Selangor Darul Ehsan No. Tel: 03-6092 7695 No. Faks: 03-6092 7746 E-mel: mervinappana@intercoach.com.my	PUBLIC BANK BERHAD 48, Jalan 1 B, Batu 17, Taman Jati **48000 RAWANG** Selangor Darul Ehsan No Akaun: 3148208630	**Bukan Bumiputera**
vi.	Pioneer Coachbuilders Sdn. Bhd.	Sub-Lot 13 & 14, Lot 1031 Batu 7 ½, Jalan Puchong **58200 KUALA LUMPUR** No Tel: 03-8070 1842 03-8070 1989 No Faks: 03-8075 9707 E-mel: pcsb@pcsb.com.my	MALAYAN BANKING BERHAD No. 12 & 13, Jalan TK 1/11A, Taman Kinrara, Seksyen 1, Batu 7 ½, Jalan Puchong **47100 PUCHONG** Selangor Darul Ehsan No Akaun: 514833300375	**Bukan Bumiputera**
vii.	SKS Coachbuilders Sdn. Bhd.	Lot 9238, Jalan Puchong Kajang Batu 20, Kampung Pulau Meranti **47100 PUCHONG** Selangor Darul Ehsan No Tel: 03-8062 6799 No Faks: 03-8062 2855 E-mel: mail@sksbus.com.my	CIMB BANK BERHAD No. 12 & 13 Jalan Kenari 1 Bandar Puchong Jaya **47100 PUCHONG** Selangor Darul Ehsan No Akaun: 12640000319055	**Bukan Bumiputera**

6. Syarikat Panel adalah diwajibkan mengemukakan laporan seperti di **Lampiran A** ke Kementerian Kewangan untuk setiap suku tahun sebelum 15hb. bulan berikutnya. Kegagalan syarikat mengemukakan laporan tersebut akan menjejaskan penyenaraian syarikat sebagai Panel pembekal.

KAEDAH PEROLEHAN

7. Perolehan bagi item Bas Penumpang berhawa dingin pelbagai casis hendaklah diuruskan sendiri oleh setiap Agensi di kalangan tujuh (7) Panel pembekal. Tatacara perolehan ditetapkan seperti berikut:

i. Perolehan sehingga RM500,000 setahun hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga di kalangan Panel pembekal yang dilantik. Pemilihan Panel pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Agensi.

iii. Perolehan melebihi RM500,000 setahun hendaklah diuruskan melalui sebut harga di kalangan Panel pembekal yang dilantik. Pemilihan Panel pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi.

KEUTAMAAN HARGA KEPADA PEMBUAT BUMIPUTERA

8. Agensi dikehendaki memberi keutamaan harga kepada syarikat bertaraf Pembuat Bumiputera berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 4 Tahun 1995 seperti berikut:

Nilai Perolehan	Peratus Keutamaan
Sehingga 10 juta	10%
Melebihi 10 juta hingga RM100 juta	5%
Melebihi RM100 juta	3%

SPESIFIKASI BAS PENUMPANG

9. Spesifikasi Bas Penumpang berhawa dingin pelbagai casis yang tertakluk di bawah Sistem Panel ini adalah seperti berikut:

i. Semua jenis Bas Penumpang berhawa dingin yang mempunyai reka bentuk sama ada seperti Bas Ekspres, Bas Persiaran atau Bas Henti-Henti (kecuali bas/coaster 25 penumpang);

ii. Minimum bilangan penumpang adalah 28;

iii. Minimum Berat Dengan Muatan (BDM) adalah 16,000 kg;

iv. Minimum bes roda adalah 6,000 mm;

v. Minimum panjang bas (bumper ke bumper) adalah 10,000 mm; dan

vi. Casis bas dari jenama yang telah dikenali di Malaysia.

PELAKSANAAN PEROLEHAN SECARA *eBIDDING*

10. Perolehan yang bernilai melebihi RM200,000 dan ke atas, Jabatan Pengguna adalah digalakkan membuat perolehan secara ***eBidding***, selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

11. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memastikan agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan ini. Agensi tidak dibenarkan memperoleh Bas Penumpang berhawa dingin pelbagai casis seperti dinyatakan di para 9 daripada punca lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri, mengikut mana yang berkenaan.

12. Panel pembekal tidak dibenarkan sama sekali men*sub*kan pembuatan badan bas kepada pihak lain.

13. Pelanggaran kepada syarat yang ditetapkan di para 12 boleh mengakibatkan pelantikan Syarikat Panel akan ditarik balik. Agensi dikehendaki memantau dan melaporkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sekiranya mendapati pihak Panel pembekal tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

HAL-HAL LAIN

14. Agensi juga hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi Panel pembekal yang kurang memuaskan, jika ada, ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Bekalan dan Perkhidmatan)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

15. Jika ada sebarang pertanyaan mengenai PKP ini, agensi Kerajaan boleh menghubungi Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian telefon 03-88823201 atau 03-88823295.

KUAT KUASA

16. **PKP** ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ia dikeluarkan. Dengan berkuat kuasanya **PKP** ini, **PKP** Bil. 3 Tahun 2007 dan Tambahan Pertama **PKP** Bil. 3 Tahun 2007 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' FAUZIAH BINTI YAACOB)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Bertarikh: 17 Februari 2011

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

LAMPIRAN A

PENYATA PESANAN DAN BEKALAN BAGI BULAN _____ / _____
BAS PENUMPANG BERHAWA DINGIN PELBAGAI CASIS

BIL	NAMA KEMENTERIAN / JABATAN / BADAN BERKANUN YANG MEMBUAT PESANAN	NO. PESANAN TARIKH PESANAN	KUANTITI PESANAN	NILAI	TARIKH BEKALAN	KUANTITI YANG DIBEKALKAN	JENAMA CASIS	KUANTITI YANG BELUM DIBEKALKAN
	JUMLAH							

ADALAH DISAHKAN BAHAWA PENYATA YANG DINYATAKAN DI ATAS ADALAH BENAR

Tandatangan Kontraktor :

Jawatan :

Tarikh dan Cop Syarikat :

Nota : Laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan setiap suku tahun walaupun syarikat tidak menerima pesanan.